

105

SOALAN NO.: 45

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad
[Pasir Puteh]

TARIKH : 26 OKTOBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad
[Pasir Puteh] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan sejak Kerajaan melaksanakan
transformasi dalam industri penternakan, di
mana penternakan secara komersil dan
besar-besaran berasaskan penggunaan
teknologi moden telah diberikan galakan
dan insentif. Nyatakan berapa banyak yang
telah diperuntukkan kepada kawasan
Parlimen Pasir Puteh daripada tahun 2013
sehingga sekarang dan berapa ramai
penternak yang telah berjaya dalam pelan
transformasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam RMK10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah melaksanakan program Transformasi penternak melalui Program Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST). Program ini dilaksanakan secara pusingan yang mana ternakan daripada penternak yang telah tamat perjanjian akan diagih kepada penternak lain (*Re-Trust*).

Dalam tempoh 2013 – 2016 seramai 13 penternak Pasir Puteh, Kelantan telah menerima ternakan *Re-Trust* hasil agihan 135 ekor anak kambing daripada program TRUST dengan nilai peruntukan sebanyak RM 151,835.23. Seramai 5 orang penternak masih aktif menjalankan aktiviti penternakan sehingga kini.